

13 DEC 1998

UMNO-Mahathir (Bahaya)

MASIH RAMAI MELAYU TIDAK SEDAR BAHAYA PENJAJAHAN SEMULA

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masih banyak rakyat negara ini, khususnya orang Melayu, tidak sedar terhadap bahaya percubaan pihak asing untuk menjajah semula negara.

Oleh demikian, kata Perdana Menteri, orang Melayu masih tidak mahu bersatu padu tetapi lebih menumpukan pada perebutan jawatan dan tempat dalam parti politik.

"Hari ini masih ada percubaan untuk menjajah kita semula dan kita dapati orang Melayu masih seperti dulu," katanya dengan nada agak kecewa semasa berucap pada penangguhan Perhimpunan Agung Khas UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

"Dengan itu, mereka mungkin berpecah, apatah lagi apabila pihak asing ini begitu cekap menggunakan kita dan kelemahan kita untuk memecah belahkan kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun negara telah merdeka selama 42 tahun, anggapan bahawa negara ini akan terus bebas tidak tepat dan mungkin tidak benar sama sekali.

"Setelah bebas (daripada penjajahan), kita rasa terlalu senang dan kian percaya bahawa kita akan bebas selama-lamanya. Sebab itu, rakyat tidak menumpukan perhatian kepada penyelamatan negara.

"Pihak asing tidak senang melihat sebuah negara seperti Malaysia bebas dan mereka ingin menguasai kita secara langsung atau tidak langsung dan caranya ialah dengan menjadikan kita terlalu miskin agar kita meminta-minta pertolongan mereka," katanya.

Beliau berkata perbahasan pada perhimpunan agung khas lebih banyak menumpukan kepada kemarahan anggota parti kepada campur tangan asing tetapi tidak banyak membincangkan tentang bahayanya.

Dr Mahathir berkata, hari ini ternampak jelas bagaimana mereka cuba memecah-belahkan rakyat dengan memilih orang yang pada mereka lebih layak daripada yang ada sekarang ini agar mereka boleh menjajah semula.

Beliau juga mengingatkan bagaimana rakyat negara ini hidup dalam penuh ketakutan sejak dijajah oleh penjajah Eropah pada 1511.

Bagaimanapun, katanya, hasil perpaduan orang Melayu yang sedar hakikat bahawa mereka telah dijajah apabila Raja-Raja Melayu diturunkan taraf kepada ketua kadi di negeri masing-masing, penjajah dapat dikalahkan.

"Disebabkan sikap bersatu padu oleh orang Melayu, akhirnya British berjaya ditewaskan oleh UMNO walaupun tanpa senjata, kekayaan mahupun kepandaian," kata beliau.

-- BERNAMA

TM AKD